

Tender British: Arahan kekal selagi perlu

KUALA LUMPUR,
Selasa — Arahan yang
dikeluarkan baru-baru
ini mengenal barang-
barang dan per-
khidmatan British
akan kekal selagi
diperlukan dan
bergantung kepada
sambutan British, me-
nurut sumber-sumber
hari ini.

Sumber-sumber itu
memberitahu, tidak
ada pilih kasih
terhadap tender-ten-
der yang dikemukakan
oleh firma British bagi
membekalkan barang-
barang dan per-
khidmatan untuk pro-
jek-projek kerajaan.

Mereka mengesahkan
pemberian tender
akan terus
berdasarkan kepada
peraturan-peraturan
perbendaharaan yang
ada sekarang.

"Kriteria bagi pemberian
sesuatu tender tidak
berubah, tetapi adalah
bergantung kepada Ja-
butan Perdana Men-
teri sama ada akan
menerima atau tidak
tender yang dima-
jukan oleh sesebuah
firma British kiranya
ia berjaya mem-
perolehi tender
tersebut," kata
seorang pegawai.

Di bawah arahan itu
yang dibuat oleh Per-
dana Menteri Datuk
Seri Dr. Mahathir
Mohamad, semua
kementerian, kerajaan
negeri dan badan
berkanun dikehendaki
mengemukakan senarai
pembekal atau bakal
pembekal British
kepada jabatannya
bersama pilihan kedua
yang bukan British un-
tuk kelulusan.

Sumber-sumber itu me-
nyatakan, keputusan
itu bukan bertujuan
menggugat Britain
tetapi hanya untuk
menyedarakannya
bahawa ia berurusan
dengan sebuah negara
yang bebas dan
berdaulat. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia